



# MEMORANDUM

## Jawatankuasa ICT & Multimedia

### Jabatan Keretapi Negeri Sabah

#### KOTA KINABALU



JKNS: 100-43/4 Klt.7/  
06 Mei 2013

**Semua Pegawai & Kakitangan**  
Jabatan Keretapi Negeri Sabah  
KOTA KINABALU

Tuan/Puan

#### **KAJI SELIDIK MENGENAI PENGGUNAAN ICT DI PEJABAT**

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Jawatankuasa ICT & Multimedia JKNS akan mengedarkan Borang Kaji Selidik seperti yang dilampirkan mengenai penggunaan ICT di pejabat untuk diisi oleh tuan/puan. Tujuan soal selidik ini adalah untuk mendapatkan maklumat serta maklumbalas mengenai penggunaan atau penerapan budaya ICT di kalangan kakitangan JKNS untuk rujukan jawatankuasa ICT dalam merangka/merancang program-program ICT yang lebih berkesan di jabatan ini.

3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan dipohon untuk memberi kerjasama dengan melengkapkan borang tersebut dengan ikhlas bagi membantu jawatankuasa ini dalam penyelidikan ini. Bersama-sama ini dilampirkan Borang Kaji Selidik berkenaan untuk diisi. Sila kembalikan semula secara emel kepada Ketua Pegawai Tadbir di alamat [Nekmah.Abdullah@sabah.gov.my](mailto:Nekmah.Abdullah@sabah.gov.my) atau Setiausaha Jawatankuasa ICT Puan Ester di alamat [Ester.Paul@sabah.gov.my](mailto:Ester.Paul@sabah.gov.my) ataupun hantar borang secara 'hard copy' berkenaan ke Bahagian Pentadbiran (u.p: Puan Ester Paul) untuk tindakan selanjutnya.

4. Untuk makluman, borang tersebut juga boleh didapati atau di *upload* dalam *website* JKNS [www.railway.sabah.gov.my](http://www.railway.sabah.gov.my) atau bagi mereka yang tiada kemudahan internet boleh buat secara manual dengan mencetak/membuat salinan borang yang dilampirkan bersama dan hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pentadbiran selewat-lewatnya pada atau sebelum **27 Mei 2013**.

5. Kerjasama tuan/puan dalam menjayakan kaji selidik ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**

Saya yang menurut perintah

**(NEKMAH ABDULLAH)**

b.p.: Pengurus Besar  
Jabatan Keretapi Negeri Sabah